



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA  
**KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 29/2021**

**URUSAN PILIHAN RAYA UMUM  
DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN)  
SARAWAK KE-12**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak berhubung dengan pengisytiharan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sarawak yang Ke-11 pada **3 November 2021**.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini dan memutuskan satu Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sarawak Ke-12 hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan **82 kerusi DUN** tersebut berikutan berlakunya pembubaran DUN Sarawak Ke-11 pada 3 November 2021 yang lalu.
3. Bagi maksud menjalankan PRU DUN Sarawak Ke-12 ini, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut :

**Tarikh Keluar Writ** : **24 November 2021 ( Rabu )**  
**Hari Penamaan Calon** : **6 Disember 2021 ( Isnin )**  
**Hari Mengundi Awal** : **14 Disember 2021 ( Selasa )**  
**Hari Mengundi** : **18 Disember 2021 ( Sabtu )**

4. Tempoh berkempen ditetapkan **12 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **6 Disember 2021 (Isnin)** sehingga pukul **11.59 malam, 17 Disember 2021 (Jumaat)**.
5. Bagi urusan permohonan undi pos luar negara dan dalam negara, permohonan undi pos untuk pengundi **kategori Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) dan kategori Borang 1C (9 Agensi dalam Sektor Keselamatan & Kesihatan)**, telah dibuka bermula **8 November 2021 sehingga 24 November 2021**. Manakala untuk kategori Borang 1A (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media) pula dibuka bermula **24 November 2021 sehingga 3 Disember 2021**.
6. Permohonan undi pos untuk **kategori 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) dan Kategori 1C (9 Agensi dalam Sektor Keselamatan & Kesihatan)** dilaksanakan **secara dalam talian (*online*)** berbanding secara manual sebelum ini.
7. Permohonan untuk mengundi secara pos ini boleh dilakukan melalui **MySPR Daftar** di pautan <https://mysprdaftar.spr.gov.my>.
8. Pemohon dinasihatkan agar **memohon lebih awal apabila tarikh permohonan dibuka** bagi mengelakkan berlakunya sebarang isu atau kesulitan.

9. Bagi menjalankan proses PRU DUN Sarawak Ke-12, SPR telah melantik **82 orang Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **249 orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR juga menubuhkan **155 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)**. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.
10. Bagi maksud PRU DUN Sarawak Ke-12, sebanyak **82 Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **82 Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** akan digunakan.
11. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRU DUN Sarawak Ke-12, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
12. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari

Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon yang telah ditetapkan oleh SPR.

13. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi live streaming bagi DUN yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
14. Seramai **46,565 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRU DUN Sarawak Ke-12. Manakala, sebanyak **1,866 buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **3,555 tempat mengundi/saluran** dan **85 pusat mengundi awal bagi pengundian yang mengandungi 111 tempat mengundi/saluran awal** akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **1,951 buah dengan 3,666 tempat mengundi/saluran**. PRU DUN Sarawak Ke-12 ini dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak **RM150 juta**.
15. Semua **346 buah pusat mengundi biasa** pada Hari Mengundi akan **dibuka** dari jam **7.30 pagi hingga 5.00 petang** dan yang **baki 1,520 pusat mengundi dibuka mengikut waktu yang telah diwartakan**.
16. Manakala bagi pusat **mengundi awal**, **11 buah pusat mengundi** akan **dibuka** dari jam **8.00 pagi hingga 12.00 tengahari**, **20 buah pusat mengundi** dari jam **8.00 pagi hingga 2.00 petang** dan **baki 54 buah pusat mengundi awal** akan **dibuka** dari jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang**.

17. **Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR)** yang akan digunakan untuk PRU DUN Sarawak Ke-12 ini adalah **Daftar Pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan (DPT) ST2/2021** yang dikemaskini sehingga **2 November 2021**. Daftar Pemilih tersebut mengandungi **1,252,014 orang pengundi** yang terdiri daripada **1,228,858 orang pengundi biasa, 12,585 orang anggota tentera dan pasangan, 10,458 orang anggota polis PGA dan pasangan serta 113 orang Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**. DPPR tersebut akan mula dijual pada **1 Disember 2021 (Rabu)**.
  
18. Para pengundi boleh membuat **semakan Daftar Pemilih** untuk mengetahui maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui laman portal SPR **[pengundi.spr.gov.my](http://pengundi.spr.gov.my)** atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui aplikasi **MySPR Semak**. Semakan boleh dibuat mulai **1 Disember 2021 (Rabu)**.
  
19. SPR turut menawarkan kepada mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mana-mana badan atau individu berkeelayakan yang berminat untuk menjadi pemerhati pilihan raya bagi melihat perjalanan proses PRU DUN Sarawak Ke-12 bermula pada hari mengundi sehingga keputusan pilihan raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti di pusat-pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi sahaja serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan oleh SPR.

20. Permohonan untuk menjadi Pemerhati Pilihan Raya boleh dikemukakan kepada SPR melalui e-mel **pemerhati@spr.gov.my** mulai hari ini, **24 November 2021 (Rabu)** dan **tarikh tutup** adalah pada **1 Disember 2021 (Rabu)**.
21. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `**Jom Kita Undi**` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.
22. SPR menasarkankan **70 peratus pengundi** akan keluar mengundi. SPR juga memohon kerjasama semua pihak termasuk pihak media dan parti-parti politik agar turut mengambil langkah untuk menyeru dan menggalakkan pengundi supaya keluar mengundi.

23. SPR juga akan meneruskan penambahbaikan seperti berikut:
- a. Syarat-syarat kelayakan pengundi pos Kategori Luar Negara seperti yang dilaksanakan sebelum ini **telah dimansuhkan**, iaitu:
    - i. Bermastautin di luar negara kecuali di Wilayah Selatan Thailand (Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun), Singapura, Brunei dan Kalimantan, Indonesia; dan
    - ii. Pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa.
  - b. Menyediakan saluran khusus bagi pengundi yang berumur 60 tahun dan ke atas di setiap Pusat Mengundi;
  - c. Memanjangkan tempoh masa pengundian selama 30 minit dari jam 7.30 pagi hingga 5.00 petang berbanding pada PRU-14 iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang; DAN
  - d. Pengundi-pengundi **Orang Kurang Upaya (OKU)** akan mengundi di Saluran 1. Seramai **13,871 orang** pengundi OKU telah dikenal pasti dan mereka adalah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

24. Garis Panduan Pencegahan Covid-19 bagi tujuan PRU DUN Sarawak Ke-12 sedang dikemaskini oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ( KKM ), Majlis Keselamatan Negara ( MKN ), Polis Diraja Malaysia ( PDRM ) dan *Sarawak Disaster Management Committee* ( SDMC ). **Garis panduan ini akan dimaklumkan setelah dimuktamadkan nanti.**

Sekian dan terima kasih.

**DATUK ABDUL GHANI SALLEH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

24 November 2021 / 19 Rabiulakhir 1443H